



TITAH DULI YANG MAHA MULIA

Mengenai Rancangan Melayu Raya

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Speaker, Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah membachakan titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin rahubong dengan perkara Persekutuan Melayu Raya dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada 18 July, 1962. Titah Baginda dengan sa-penoh-nya adalah saperti di-bawah ini :

"Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian. Di-dalam Meshuarat Belanjawan yang telah di-adakan pada 5 December 1961, beta telah menyatakan bahawa telah ada chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu supaya di-adakan perhubungan yang lebeh rapat di-antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Borneo Utara dan Brunei, dan rancangan ini telah mendapat sambutan baik daripada Kerajaan British. Beta telah menyatakan bahawa pada pandangan beta sendiri, chadangan ini ia-lah chadangan yang menarek hati kerana tali perhubungan, ugama, bangsa, adat resam dan kebudayaan di-antara negeri ini dengan negeri2 yang terkandung di-dalam rancangan ini ada-lah serupa dan kokoh. Dan beta telah memerintah agar Kerajaan beta mendapatkan pendapat2 ra'ayat di-atas chadangan Rancangan Melayu Raya ini.

"Semenjak itu Kerajaan beta telah membentuk satu Surohanjaya yang telah bersidang di-beberapa tempat untuk mendapat-kan pendapat2 ra'ayat berkenaan an rancangan ini.

"Tujuan Surohanjaya ini ia-lah untuk mendapat butir2 dan panduan2 dari ra'ayat yang akan memberji sumbangan kepada Kerajaan apabila di-hadapkan masa'alah Melayu Raya ini.

"Ra'ayat telah di-tanya jika mereka bersetuju dengan rancangan ini, mereka ada-lah di-di-kehendaki memberikan syarat2

yang patut di-hadapkan bagi pehak Kerajaan Brunei dalam Rancangan Melayu Raya ini dan jika mereka tidak bersetuju mereka ada-lah di-pinta memberi sebab2-nya. Dengan jalan ini-lah sahaja dapat Kerajaan mendapati bahan2 untuk menetapkan sikap Kerajaan beta dalam masa'alah ini.

"Hasil pekerjaan Surohanjaya ini ada-lah menunjukkan bahawa sa-bahagian kechil orang sahaja yang telah memberikan pendapat-nya dan pada keseluruhannya masing2 ada-lah memberi baya-



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

ngan bahawa mereka bersetuju pada dasar-nya akan Melayu Raya ini tetapi masing2 adalah membawa chara2 yang berlainan2.

"Ada yang berkehendakkan kepada perchantoman terus dan ada juga yang berkehendakkan perchantoman di-antara ketiga wilayah di-Borneo ini sa-belum perchantoman di-bawah Persekutuan Melayu Raya yang di-chadangkan.

"Tetapi sedikit malang-nya daripada pungutan suara Surohanjaya ini tidak di-dapati bahan2 atau pun syarat2 yang membawa faedah kepada Kerajaan dan ra'ayat seluruh-nya. Maka dengan sebab itu beta telah meminta pendapat dari beberapa lapisan ra'ayat dan juga baharu2 ini beta telah menghantar satu rombongan ka-Malaya untuk mendapatkan penjelasan dengan lebeh mendalam berkenaan dengan Rancangan Melayu Raya ini. Maka daripada penyiasatan ini beta telah menerima nasehat bahawa Rancangan Melayu Raya ini boleh-lah di-terima pada dasar-nya.

Majlis Meshuarat Negeri Brunei Sokong Usul Menteri Besar

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang bersidang pada hari Rabu 18 July, 1962 telah mempersetujui satu usul yang di-kemukakan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un ia-itu menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin yang menyokong pada dasar-nya supaya Negeri Brunei memasoki dalam gabungan Persekutuan Melayu Raya.

Usul tersebut berbunyi, "Bahawasanya Majlis Meshuarat Negeri ini menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan menyokong pada dasar-nya supaya Negeri Brunei memasoki dalam gabungan Melayu Raya yang akan mengandongi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei dan menyokong sebarang langkah untuk mengadangkan perundangan2 yang rasmi dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan British bagi menentukan jenis2 atau chorak pergabungan yang di-fikirkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan munasabah dan yang akan mendatangkan faedah kepada Negeri Brunei dan yang tidak akan mengurangi taraf Negeri Brunei yang berpelembagaan masa ini dan memberi kesan di-segi Undang2.

Titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berhubong dengan perkara Persekutuan Melayu Raya telah di-bachakan oleh Speaker, Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dalam persidangan tersebut.

Kebanyakan daripada Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang hadir telah memberikan pendapat masing2. Setelah di-undi dengan sa-chara mengangkat tangan, 22 orang telah menyokong usul yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, 4 orang telah menolak usul itu dan sa-orang ahli telah tidak mengundi.



Satu pemandangan di-upacara pembukaan rasmi rapat umum dan perarakan bagi menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada 23 July, 1962.

UCHAPAN TIMBALAN S. U. K. MENGENAI MELAYU RAYA

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei telah memberikan ucapan melalui siaran Radio Brunei bahagian Melayu pada malam Jumaat yang lalu berkenaan dengan rancangan Melayu Raya.

Dalam ucapan tersebut Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf berkata bahawa beliau faham yang ra'ayat di-seluruh Negeri Brunei telah mendengar titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah di-bacakan oleh Yang Bernormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dengan sifat beliau sa-bagai Pengerusi, Dewan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada 18 July yang lepas.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf berkata bahawa Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali telah menyampaikan keputusan Duli Yang Maha Mulia menerima pada asar-nya rancangan Melayu Raya.

Ucapan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf selus-nya ada-lah saperti di-bawah ini :

Di-dalam titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ini, telah di-terangkan sejak titah Baginda yang telah di-lafadzkan pada 5 December, 1961 di-mana ura2 rancangan hendak menubuhkan Persekutuan Melayu Raya telah dapat di-ketahui oleh kita di-Brunei ini dalam mana Baginda sendiri telah menyatakan bahawa chadangan yang sedemikian itu ada-lah menarek hati bagi Duli Yang Maha Mulia.

Dalam titah Baginda baru2 ini, Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda telah membayangkan bahawa sesudah mendapat penyiasaan dari hasil satu Surohanjaya yang di-bentok kerana mendapatkan pendapat2 ra'ayat di-seluruh negeri ini, dari mana Duli Yang Maha Mulia Baginda telah dapat mengetahui dari penyata tersebut bahawa hanya sebahagian kecil sahaja ra'ayat di-negeri ini yang telah memberi pandangan mer-ka terhadap soal menubuhkan rancangan Persekutuan Melayu Raya ini. Bagaimana pun dalam penyata tersebut telah didapati kebanyakan orang2 itu telah memberi pendapat-nya dan ke-pada keseluruhan-nya telah bersetuju pada dasar-nya akan rancangan Melayu Raya ini.

Dan selanjut-nya Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa sesudah mendapat fikiran2 daripada ra'ayat yang telah bersetuju pada dasar-nya ini, Duli Yang Maha Mulia telah menghantar satu rombongan ka-Malaya dengan sechra tidak resmi untuk mndapatkan penjelasan yang lebih lanjut lagi mengenai rancangan Melayu Raya ini sama ada yang mengenai segi politik, ekonomi, keselamatan dan pergaulan masyarakat untuk kema'moran, keselamatan dan faedah yang akan mendatangkan kebajikan pada seluruh ra'ayat di-negeri ini dari hasil penyelidikan, penyiasaan dan nasihat2 yang telah di-terima oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda, maka Baginda telah berpendapat bagaimana yang dititahkan telah bersetuju supaya rancangan Melayu Raya ini dapat di-terima sebagai dasar-nya sahaja.

Dalam ini ra'ayat sekalian hendaklah mengetahui bagaimana di-maksudkan oleh titah Baginda denean mmpersetujui kepada dasar-nya rancangan Melayu Raya ini bukan-lah ini berna'na keputusan yang muta'mat yang telah di-ambil oleh Seri Paduka Baginda, ini hanya-lah mmpersetujui kepada dasar-nya di-mana membolehkan Kerajaan Seri Baginda untuk berunding selanjut-nya mendapatkan penjelasan2 yang temporna bagi mendatangkan faedah dan kesempornaan yang baik untuk keselamatan, ketenteraman dan kebahagiaan ra'ayat Brunei di-seluruh negeri ini dengan Kerajaan2 Persekutuan Tanah Melayu dan juga Kerajaan British di-England. Baginda selanjut-nya bertitah, jika-lau hasil perundingan rasmi ini nanti

di-dapati bahawa ada-lah dengan ada-nya nanti Brunei masuk dalam Rancangan Persekutuan Melayu Raya ini akan mendatangkan faedah yang baik, harus-lah perundingan2 ini akan mendorong kepada perjalanan mengambil bahagian seterusnya dalam rancangan Melayu Raya ini tetapi sabalek-nya jikalau sekira-nya di-dapati rancangan Melayu Raya ini tidak mendatangkan faedah kepada ra'ayat dan negeri Brunei ini harus-lah Brunei tidak akan menchapori dalam rancangan Melayu Raya ini.

Ra'ayat dan penduduk di-negeri Brunei sekalian hendaklah memahami saterang2-nya dan sa-dalam2-nya akan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ini. Jelas di-terangkan dalam titah Duli Yang Maha Mulia, dengan menerima dasar tidak-lah bererti ini mempunyai satu keputusan yang muta'mat. Ini hanya-lah membolehkan supaya Kerajaan Brunei dapat berunding untuk mendapatkan faedah2 dan keuntongan yang menambah bagi kema'moran dan kebahagiaan negeri Brunei dan ra'ayat seluruh-nya.

Ra'ayat sekalian hendaklah mengerti dan faham, Kerajaan Brunei yang mana Seri Paduka Baginda Duli Yang Maha Mulia sebagai Raja dan Junjongan kita di-negeri ini, senantiasa berpendapat dan mengkhitiarkan untuk kebajikan ra'ayat seluruh-nya, tetapi malang niat suchi Kerajaan ini, dan dengan zahir-nya titah Duli Yang Maha Mulia mmpersetujui pada dasar-nya rancangan Melayu Raya ini ada sebahagian kecil daripada ra'ayat yang telah menudoh Kerajaan dengan tudohan2 yang tidak munasabah dan mendatangkan asutan kepada orang ramai bahawa Kerajaan Brunei ini akan lenyap dan ada setengah daripada setengah sebahagian kecil daripada ra'ayat negeri ini telah berani mengzahirkan pendapat jikalau Brunei masuk Melayu Raya biarlah kita tidak bersultan, Maksud-nya mereka tidak mengkehendaki

Brunei supaya mempunyai raja yang berdaulat yang telah kita warithi turun temurun sejak zaman kita mengenali negeri kita ini dari datok ninek kita zaman dahulu. Perasaan yang sedemikian ini ada-lah sangat merbahaya dan mengancam ketenteraman di-dalam negeri ini ia-itu bukan ketenteraman Kerajaan sahaja tetapi ketenteraman ra'ayat di-seluruh negeri ini. Perasaan yang serupa ini yang telah membawa pengaruh yang tidak di-ingini ia-itu membawa perasaan yang tidak mahu beraja di-negeri Baginda ini ada-lah di-pandang oleh Kerajaan sebagai satu perasaan yang akan mendatangkan huru hara dan bersifat sebagai satu asutan yang akan mengganggu ketenteraman ra'ayat yang selama ini ta'atkan Sultan dan negeri ini ada-lah kepunyaan ra'ayat yang chintakan keamanan dan kema'moran di-negeri ini.

Ra'ayat dan penduduk yang chintakan keamanan dan chintakan segala2-nya sebagaimana telah kita dapat hendak-lah sedar mengambil perhatian akan anasir2 yang senantiasa mengasut pada ra'ayat yang ingin memandang Brunei ini menjadi satu keadaan yang berubah dari keadaan yang aman sentosa menjadi satu keadaan yang huru hara yang tidak mendatangkan kebahagiaan kepada ra'ayat.

Hal yang sedemikian ini bukan-lah soal, soal perserongan tetapi ini adalah akan merupakan soal bagi ra'ayat seluruh negeri ini. Dengan ini saya berseru kepada ra'ayat yang sentiasa chintakan keamanan dan kekal ta'at kepada raja yang turun temurun di-negeri ini hendak-lah sentiasa mengawasi dan sentiasa mengambil perhatian kepada sebahagian kecil daripada ra'ayat yang sedang menjalakan asutan yang jikalau terjadi perkara ini mereka tidak ingin negeri Brunei in beraja dan bersultan yang berdaulat.

Ra'ayat sekalian hendaklah ingat dan sentiasa mengingati, bahawa keadaan sedemikian ini ada-lah satu keadaan yang tidak di-ingini untuk kita yang selama ini chintakan keamanan dan chintakan kebahagiaan negeri kita dan juga chintakan raja yang sentiasa kita junjong tinggi selama2 ini.

Saya ulangi dan saya serukan kepada ra'ayat yang sentiasa menumpukan ta'at setia-nya kepada negeri ini dan kepada raja hendak-lah sentiasa berawas2 dan berhati2-lah kepada ancaman2 dan asutan2 yang tidak mendatangkan keuntongan malah untuk merosakkan keselamatan dan ketenteraman yang telah kita nikmati selama ini. Sekian terima kasih.

P. P. PULIS DAERAH BELAIT

BERAKAS. — Pemangku Penguasa Pulis, Inche Ibrahim bin Hamzah telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Persekutuan Tanah Melayu pada petang 20 July, 1962 untuk berkhidmat sa-bagai Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Belait atas pinjaman dari Kerajaan Persekutuan.

Beliau telah di-temui di-lapangan terbang di-sini oleh Pegawai Pemerintah Pulis, Daerah Bru-

nei, Penguasa Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Inche Ibrahim telah berkhidmat sa-lama 22 tahun dengan Pulis Di-raja Persekutuan Tanah Melayu.

Sa-belum menjawat jawatannya yang baharu di-negeri ini, Inche Ibrahim telah berkhidmat sa-bagai Pegawai Pemerintah Pasokan Pulis Hutan di-Kulai, Johore.



Tanda2 lalu lintas di-jalan2 raya semacham ini dapat di-lihat dalam Negeri Brunei sekerang. Tanda lalu lintas itu ada-lah menggunakan bahasa Melayu (huruf Jawi) dan bahasa Inggeris. Dapat-kah pembaccha meneka di-mana-kah letak-nya tanda lalu lintas tersebut ?

Hari Menamakan Chalun Di-Bokok

BANDAR BRUNEI. — Surohanjaya Pilehan Raya Negeri Brunei telah mengumumkan bahawa tarikh menamakan chalun bagi kawasan pemilehan Bokok di-Daerah Temburong ia-lah 4 August, 1962.

Pengumuman itu berkata bahawa berikutan tidak ada chalun yang sah di-terima pada hari menamakan chalun pada 21 July yang lalu di-kawasan tersebut maka tarikh yang tersebut di-atas telah di-tetapkan oleh Surohanjaya Pilehan Raya sa-bagai per-cintah pilehan raya yang kedua kepada pengurus di-kawasan pemilehan di-Bokok.

Pegawai Pengurus bagi kawasan pemilehan Bokok ia-lah Inche Ibrahim bin Rajid.

Pegawai Pengurus itu akan hadir untuk menerima surat2 chalun di-Sekolah Melayu Bokok di-antara pukul 10.00 pagi dan 12.00 tengah hari pada 4 August itu.

Jikalau ada pertandingan pilehan raya di-dalam kawasan pemilehan itu, maka hari membuang undi akan di-tetapkan pada 30 August, 1962.

Pengumuman itu berkata lagi bahawa pemberi tahu yang dikehendaki di-perbuat oleh undang2 pilehan raya akan di-siarkan dalam Warta Kerajaan dan surat2 khabar.

Laporan Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Meshuarat ke-empat bagi musim persidangan yang ke-dua Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan di-sini pada hari2 Rabu dan Khamis, 18 dan 19 July, 1962.

Speaker, Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah memimpin meshuarat tersebut.

Dalam persidangan-nya pada hari yang pertama, Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah meluluskan 1 daripada 2 usul yang di-kemukakan.

Usul yang di-terima telah di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un supaya Majlis Meshuarat Negeri Brunei menyokong "pada dasarnya" tital Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berkenaan dengan perkara kemasokan Brunei dalam Persekutuan Melayu Raya.

Usul yang tidak di-terima oleh Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah di-kemukakan oleh Inche Shahbudin bin Saleh. Usul itu berbunyi bahawa Majlis Meshuarat Negeri Brunei meluluskan supaya Kerajaan Brunei mengambil perhatian berat serta melantek sa-buah Surohan Jaya Bebas untuk mengkaji kelemahan2 pelajaran2 penuntut2 Darjah Juniar Brunei dan Senior Cambridge di-Sekolah2 Inggeris Kerajaan, yang terbokti kelemahan2 tersebut dari hasil keputusan2 Pepereksaan Akhir tahun 1960 dan 1961.

Enam belas orang telah tidak bersetuju supaya usul tersebut di-terima, 8 orang telah bersetuju dan sa-orang telah berkechuali.

Dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada pertama sa-banyak 32 so'alan mulut telah di-kemukakan oleh 5 orang Ahli.

Inche Abdul Manan bin Mohamed telah mengemukakan 12 so'alan. Inche Shahbudin bin Saleh telah mengemukakan 4 so'alan. Pengiran Besar bin Pengiran Sabtu telah mengemukakan 3 so'alan dan Pengiran Haji Yusof telah mengemukakan 10 so'alan.

Semua so'alan itu telah di-jawab oleh Ahli2 M.M.N.B. yang berkenaan.

Sa-lain daripada itu, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri telah membentangkan Kertas2 Anggaran Perbelanjaan Tambahan Yang Ke-dua bagi tahun 1961, Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi tahun 1962 dan Pembetulan Kira2 Penanaman Modal Bank Menyimpan Wang Pejabat Pos, Brunei.

Pada hari tersebut juga dua Rang Undang2 telah di-luluskan, ia-itu,

Undang2 Binatang2 Musoh Pertanian dan Tumbuhan2 yang merosakkan tanaman2, 1962, di-chadangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Pertanian Negara, Inche

Hamidoon bin Awang Damit.

Undang2 Bekalan Ayer, 1962, di-chadangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara, Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain.

Dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada hari yang ke-dua sa-banyak sembilan Rang Undang2 telah di-luluskan. Rang Undang2 itu ia-lah :

Undang2 Had, 1962, di-chadangkan oleh Pengiran Jadid bin Pengiran Nasarudin.

Undang2 Ketenteraman Awam, 1962, di-chadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Undang2 Kesalahan Kechil (Pindaan), 1962, di-chadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Undang2 Penapis Filem dan Hiboran Orang Ramai, 1962, di-chadangkan oleh Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar.

Undang2 Pendapatan Tanah (Peta Ukoran), 1962, di-chadangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara, Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain.

Undang2 Penchen (Sharat2 Sementara), 1962, di-chadangkan oleh Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud.

Undang2 Kastam (Pindaan), 1962, di-chadangkan oleh Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar.

Undang2 Perbekalan Tambahan (1961) (Bilangan Dua), 1962, di-chadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato Setia Marsal bin Ma'un.

Undang2 Perbekalan Tambahan (1962), 1962, di-chadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato Setia Marsal bin Ma'un.

Sa-baik sahaja Majlis Meshuarat Negeri Brunei meluluskan Rang Undang2 tersebut, ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato Setia Marsal bin Ma'un, Inche Abdul Manan bin Mohamed, Inche Shahbudin bin Saleh Yang Berhormat Timbalan Setia Usaha Kerajaan Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah juga berucap di-majlis itu.

Speaker Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud

telah mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis Meshuarat Negeri Brunei terhadap perkhidmatan dan jasa masing2 kepada Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Bertambah2 pula, oleh kerana itu-lah persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang akhir sa-kali sa-belum di-adakan Pilihan Raya yang pertama di-negeri ini, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali telah mengucapkan "selamat berpisah" kepada Ahli2 yang berkenaan dan berharap akan dapat "bertemu ahli2 itu sa-mula" dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang akan datang kelak.

PERARAKAN BULAN BAHASA



Satu pemandangan perarakan Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada petang 23 July, 1962.



Beberapa orang pegawai pertanian tempatan telah melawat ka-Tasek Merimbun di-Ulu Tutong pada 24 July yang lalu untuk memberi nasihat kepada orang2 kampong di-sana mengenai perkara2 yang bersangkutan paut dengan pertanian. Dalam gambar ini kelihatan Inche Othman bin Abdullah, sa-orang Pegawai Pertanian yang berkhidmat di-Daerah Tutong (kanan) sedang melepaskan 200 ekor anak ikan talapia ke-dalam tasek itu. Orang yang sedang menolong Inche Othman ia-lah Ketua Kampong Merimbun.

INGINKAH MENJADI PEMBERITA?

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan bagi jawatan Pemberita di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Umor: Tidak kurang daripada 21 tahun.

Kelayakan: Sa-kurang2-nya lulus Darjah 5 Sekolah Melayu dan Form 4 di-Sekolah Inggeris. Kelayakan ini tidak di-kenakan ka-atas pemohon2 yang telah bekerja sa-bagai pemberita sa-kurang2-nya tiga tahun terus menerus bagi sa-suatu perkhidmatan berita radio atau sa-buah akhbar Melayu atau Inggeris.

Tugas: Pemberita bagi risalah2 yang di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan dan perkhidmatan berita jabatan tersebut.

Tingkatan gaji: \$350x20-370 x 10-380x20-400-420-440-460-480-500-520-540-560-580-600-\$620.

Permohonan2 hendak-lah di-alamatkan kepada Setia Usaha Kerajaan melalui Ketua2 Pejabat sa-belum 6 August.

SIARAN RADIO BRUNEI

Ranchangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu mulai dari 1 hingga 7 August, ada-lah seperti berikut :-

RABU — 1 AUGUST, 1962

Siaran Pagi
 6.30 Pembukaan dan Rengkas Ran-
 changan
 6.32 Bacha'an Al-Koran di-ikuti
 dengan Lagu2 Tanpa
 Nyanyian
 6.45 Lagu2 Hiboran
 7.00 Rengkas Berita
 7.05 Pilihan Juruhebah
 7.30 Rehat.
Siaran Tengah Hari
 12.30 Selamat Sejahtera
 12.32 Hiboran
 12.45 Majallah Melalui Udara
 1.00 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 1.15 Lagu2 Rampaian
 1.30 Rehat.
Siaran Malam
 7.00 Selamat Sejahtera
 7.01 Lagu2 Hiboran
 7.15 Latar Belakang —
 Rakaman BBC London
 Upacara Sambutan Bulan
 Bahasa Kebangsaan malam
 ke-tujuh — di-terbitkan
 oleh : Abu Bakar Ahmad
 8.15 Hiboran
 8.30 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 8.45 CHERITA Pendek —
 Penerbit Abd. Wahab Mohd.
 8.59 Siaran Melayu Tammat.

KHAMIS — 2 AUGUST, 1962

Siaran Pagi
 6.30 Pembuka'an dan Rengkas
 Ran-
 changan
 6.32 Bacha'an Al-koran di-ikuti
 dengan Lagu2 Tanpa
 Nyanyian
 6.45 Hiboran
 7.00 Rengkas Berita
 7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
 7.30 Rehat.
Siaran Tengah Hari
 12.30 Selamat Sejahtera
 12.32 Lagu2 Nyanyian Mus D.S.
 12.45 Majallah Sain dan
 Perusaha'an — BBC London
 1.00 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
 1.30 Rehat.
Siaran Malam
 7.00 Selamat Sejahtera
 7.02 Bacha'an Al-Koran
 7.15 Kursus Al-Koran oleh
 Haji Khalidi
 7.30 Jamaatul Anashid Party
 — Pimpinan Ustaz A. Kadir
 7.45 Sharahan Agama
 8.00 Lagu2 Mesir
 8.15 Sejarah Islam
 8.30 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 8.45 Tafsir Al-Koran oleh
 Ustaz Salleh
 8.59 Siaran Melayu Tammat.

JUMAA'T — 3 AUGUST, 1962

Siaran Pagi
 6.30 Pembuka'an dan Rengkas
 Ran-
 changan
 6.32 Bacha'an Al-Koran
 6.45 Hiboran
 7.00 Rengkas Berita
 7.05 Pilihan Juruhebah
 7.30 Rehat.
 9.00 Selamat Sejahtera.
 9.01 Bacha'an Al-Koran
 9.15 Lagu2 Melayu Asli
 9.30 Pelajaran Agama Di-Udara
 9.45 Kasidah/Nashid
 10.00 Lagu2 Masir
 10.15 Rengkas Berita
 10.59 Rehat.
Siaran Tengah Hari
 12.30 Selamat Sejahtera
 12.32 Mimbar Islam — Sembah-
 yang Juma'at Di-Masjid
 Omar Ali Saifuddin, selepas
 itu di-ikuti dengan Lagu2
 Masir
 1.30 Tandam Waktu dan

Warta Berita
 1.45 Lagu2 Irama Pelahan
 2.00 Rehat.
Siaran Malam
 7.00 Selamat Sejahtera
 7.02 Hiboran, Pembuka'an
 7.15 Sandiwara Radio
 8.00 Lagu2 Perminta'an Suka
 Ramai — Dk. Intan
 8.30 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 8.45 Hiboran Akhir
 8.59 Siaran Melayu Tamat.

SABTU — 4 AUGUST, 1962.

Siaran Pagi
 6.30 Selamat Sejahtera
 6.32 Bacha'an Al-koran di-ikuti
 dengan Lagu2 Tanpa
 Nyanyian
 6.45 Lagu2 Ranchak
 7.00 Rengkas Berita
 7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
 7.30 Rehat.
Siaran Tengah Hari
 12.30 Selamat Sejahtera
 12.32 Hiboran
 12.45 Penya'er dan Hasil
 Kerjanya (S.U.)
 1.00 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 1.15 Selingan
 1.30 Rehat.
Siaran Malam
 7.00 Selamat Sejahtera
 7.02 Hiboran Pembuka'an
 7.15 Halaman Perbincangan
 7.30 Lagu2 Dari Film
 7.45 Hiboran Mana Suka
 8.00 Cherita Pendek (S.U.)
 8.15 Lagu2 Kaparinyo
 8.30 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 8.45 Ruangan Seram (S.U.)
 8.59 Siaran Melayu Tammat.

AHAD — 5 AUGUST 1962

Siaran Pagi
 6.30 Pembuka'an dan Rengkas
 Ran-
 changan
 6.32 Bacha'an Al'koran di-ikuti
 dengan nyanyian
 6.45 Hiboran
 7.00 Rengkas Berita
 7.05 Pilihan Juru Hebah
 7.30 Rehat
 9.00 Selamat Sejahtera

9.02 Sanandong pagi
 9.15 Ruangan Masak2-kan
 9.30 Ruangan apa khabar — di-
 terbitkan oleh : Adanan
 Hj. Hassan
 10.15 Rengkas Berita
 10.20 Suntingan Ranchangan Ming-
 guan — di-terbitkan oleh :
 Abd. Wahab Mohd.
 10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
 12.30 Selamat Sejahtera
 12.32 Hiboran Rampaian
 12.45 Bahasa dan Kesusasteraan
 — (S.U.)
 1.00 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 1.15 Asohan Wanita
 1.30 Hiboran dari Studio
 (Pancharagam Tempatan)
 di-terbitkan oleh : Abd.
 Wahab Mohd.

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
 7.02 Lagu2 Hiboran
 7.15 Majallah Radio — di-terbit-
 kan oleh Othman Kama-
 ruddin
 7.45 Rampaian
 8.15 Lagu2 tanpa nyanyian
 8.30 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 8.45 Mari Berjoget
 8.59 Siaran Melayu Tammat

ITHNIN — 6 AUGUST

Siaran Pagi
 6.30 Pembuka'an dan Rengkas
 Ran-
 changan
 6.32 Bacha'an Al-koran di-ikuti
 oleh Lagu2 Tanpa Nyanyian
 6.45 Hiboran
 7.00 Rengkas Berita
 7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
 7.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
 12.30 Selamat Sejahtera
 12.32 Lagu2 Nyanyian Kemanan
 12.45 Latar Belakang — Rakaman
 BBC London
 1.00 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 1.15 Hiboran
 1.30 Cherita Pendek — (S.U.)
 1.45 Pilihan Juru Hebah.
 2.00 Rehat.

Siaran Malam
 7.00 Selamat Sejahtera
 7.02 Lagu2 Permainan Hamzah
 Doimat
 7.15 Penya'er dan Hasil Keria-nya
 — di-terbitkan oleh :
 Abd. Wahab Mohd.
 7.30 Perminta'an Sukaramai
 di-terbitkan oleh :
 Dk. Mariam
 8.15 Majallah Sain dan Peru-
 saha'an Rakaman BBC
 — London
 8.30 Tanda Waktu dan
 Warta Berita
 8.45 Rengkas Khas Pilihan
 Raya — Siri kelima
 8.59 Siaran Melayu Tamat.

THALATHA — 7 AUGUST 1962

Siaran Pagi
 6.30 Pembuka'an dan Rengkas
 Ran-
 changan
 6.32 Bacha'an Al-koran di-ikuti
 oleh tanpa nyanyian
 6.45 Hiboran
 7.00 Rengkas Berita
 7.05 Pilihan Juru Hebah
 7.30 Rehat.
Siaran Tengah Hari
 12.30 Selamat Sejahtera
 12.30 Lagu2 nyanyian Ahmad
 Daud
 12.45 Laporan Pandangan
 Mata Rakaman V.O.A.
 1.00 Tandam Waktu dan
 Warta Berita
 1.15 Lagu2 Amerika Selatan
 1.30 Asohan Wanita — (S.U.)
 1.145 Hiboran Penutup
 2.00 Rehat.
Siaran Malam
 7.00 Selamat Sejahtera
 7.02 Lagu2 Hiboran
 7.15 Meninjau Sambil
 lalu diterbitkan oleh
 Dk. Intan
 8.00 Selingan
 8.15 Pantang larang orang
 — tua2 Dahulu — di-
 terbitkan oleh :
 Abu Bakar Ahmad
 8.30 Tanda waktu dan
 Warta Berita
 8.45 Ruangan Seram
 8.59 Siaran malam tamat.

Siaran Radio Dari Steshen Belait Di-Rentikan

BANDAR BRUNEI. — Siaran Radio Brunei dari Steshen Kuala Belait akan di-rentikan mulai dari hari ini. Sa-bagai ganti-nya siaran Bahagian Melayu akan di-pancharkan terus dari Steshen Bandar Brunei pada tiap2 hari mulai dari pukul 6.30 pagi hingga ka-pukul 7.30 pagi.

Siaran Radio Brunei Bahagian2 Melayu, China dan Inggeris sa-terus-nya ada-lah seperti di-bawah ini :

Tiap2 hari Ithnin, Thalatha, Rabu, Khamis dan Sabtu pukul 6.30 pagi — Siaran Bahagian Melayu di-mulai 7 pagi — Reng-
 kasan Berita. 7.30 pagi — Siar-
 an Melayu rehat. 11.30 pagi —
 Siaran Bahagian Inggeris di-
 mulai. 12.30 tengah hari —
 Siaran Bahagian Melayu di-
 mulai. 1 petang — Warta
 Berita. 1.30 petang — Siaran
 Bahagian Melayu rehat. 5.30
 petang — Siaran Bahagian China
 di-mulai. 7 malam — Siaran
 Bahagian Melayu di-mulai. 8.30
 malam — Warta Berita. 9 ma-
 lam — Siaran Bahagian Inggeris
 di-mulai. 10.30 malam — Siaran
 Bahagian Inggeris tamat.

Tiap2 hari Jumaat : Pukul 6.30
 pagi — Siaran Bahagian Melayu
 di-mulai. 7 pagi — Rengkas
 Berita. 7.30 pagi — Siaran
 Bahagian Melayu rehat. 9 pagi —

Tiap2 hari Ahad : Pukul 6.30
 pagi — Siaran Bahagian Melayu
 di-mulai. 7 pagi — Rengkas
 Berita 7.30 pagi — Siaran Ba-
 hagian Melayu rehat. 9 pagi —
 Siaran Bahagian Melayu di-
 mulai. 10.15 pagi Rengkas
 Berita. 10.30 pagi — Siaran
 Bahagian Inggeris di-mulai. 11.30
 pagi — Siaran Bahagian China
 di-mulai. 12.30 tengah hari —
 Siaran Bahagian Melayu di-
 mulai. 1 petang — Warta
 Berita. 1.30 petang — Siaran
 Bahagian Melayu rehat. 5.30
 petang — Siaran Bahagian China
 di-mulai. 7 malam — Siaran
 Bahagian Melayu di-mulai. 8.30
 malam — Warta Berita. 9 ma-
 lam — Siaran Bahagian Inggeris
 di-mulai. 10.30 malam —
 Siaran Bahagian Inggeris tamat.

PERADUAN LUKISAN

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Lukisan bagi menyambut Hari Ke-puteraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam bulan September akan datang ada-lah terbuka kepada orang2 dewasa yang tinggal dalam Negeri Brunei dan juga kepada murid2 sekolah.
 Sa-lain daripada itu akan juga di-
 adakan peraduan menggambar terbuka kepada orang2 dewasa sahaja.
 Peraduan menggambar itu ada-lah

di-bahagikan kepada tiga bahagian ia-itu (a) Gambar pemandangan dalam Negeri Brunei (b) Gambar orang mashhor dalam Negeri Brunei dan (c) Gambar pemandangan, benda, binatang dan tumbuhan. Ukuran tiap2 keping gambar itu yang di-kehendaki ia-lah 10" x 12".
 Segala lukisan dan gambar hendak-lah di-hantarkan kepada Setia Usaha peraduan2 tersebut di-Sekolah Melayu S.M.J.A. Pekan Brunei tidak lewat daripada 20 September.

Pembukaan Rasmi Rapat Umom Dan Perarakan Menyambut Bulan Bahasa

BANDAR BRUNEI. — Tidak kurang 16 ribu orang telah membanjiri Padang Besar di-sini kerana mengambil bahagian dan menyaksikan Rapat Umom dan Perarakan Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah di-langsungkan di-hadapan bangunan jabatan2 Kerajaan Brunei pada 23 July yang lalu mulai pukul 4.10 petang.

Padang Besar Bandar Brunei telah merupakan lautan manusia yang membawa berbagai2 chogan kata yang mengagongkasa kedaulatan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal.

Ini, ia-lah perhimpunan yang paling agong dalam sejarah Negeri Brunei sa-bagai suatu bakti tekad penduduk2 dan ra'ayat negeri ini menyokong keazaman Kerajaan yang telah memajukan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negeri ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Perhimpunan agong itu di-hadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi Ingggris di-Brunei, Menteri Besar Brunei, Duli2 Wazir, pegawai2 tinggi Kerajaan, ketua2 jabatan, kaki tangan Kerajaan, anggota2 Parti Ra'ayat, pelajar2 yang tinggi dan rendah dan seluruh lapisan masyarakat di-negeri ini lelaki dan perempuan.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah membuka dengan rasminya upacara tersebut tepat pada pukul 4.45 petang sa-telah ucapan2 yang mendukung pemakaian bahasa Melayu di-lafadzkan oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, Pegawai Pelajaran Negara Brunei

Radio Brunei Tidak Menyebelahi Kapada Sa-Suatu Pihak

BANDAR BRUNEI. — Parti Ra'ayat Brunei dalam siaran akhbar-nya bertarikh 23 July, 1962 "mengesalkan sikap Radio Brunei kerana tidak menyebut bahawa 31 kerusi yang di-menangi tanpa pertandingan itu di-menangi oleh chalun2 Parti Ra'ayat Kalimantan Utara."

Jabatan Siaran Radio menyedari bahawa ia tidak menyebut sedikit pun tentang perhubungan Parti Ra'ayat dengan chalun2 yang telah menang dengan tidak payah bertanding itu.

Ini tidak-lah berma'ana bahawa Jabatan Siaran Radio menyebelahi kapada sa-suatu pihak sa-perti yang di-anggap oleh Parti Ra'ayat tetapi ia-lah kerana berpegang kapada kenyataan2 yang di-dapati oleh pemberita2nya pada hari menamakan chalun2.

Di-atas kertas2 rasmi menamakan chalun yang di-tampilkan di-dinding2 pejabat2 pegawai2 penguurus untuk pengetahuan umum itu tidak di-sebutkan bahawa sa-saorang chalun itu ia-lah ahli sa-suatu parti.

Keputusan2 yang di-dapati dari pejabat Surohanjaya Pilihan Raya juga tidak menyebutkan parti sa-saorang chalun yang telah di-terima untuk bertanding atau yang telah menang tanpa bertanding.

dan wakil2 orang2 Melayu, Eropah, China dan India.

Sa-baik sahaja selesai ucapan2 itu, Ikrar Bahasa Kebangsaan telah di-bacakan oleh Pengerusi Rapat Umom dan Perarakan, Inche' Shahbudin bin Md. Saleh dalam satu upacara yang menarek perhatian umum.

Sa-belum itu sa-ramai delapan orang yang terdiri dari bangsa2 penduduk negeri ini dengan pakaian kebangsaan masing2 telah menyerahkan naskhah Ikrar Bahasa Kebangsaan itu kapada Pengerusi Rapat Umom dan Perarakan untuk di-bacha.

Dengan suara yang lantang Inche Shahbudin membacakan Ikrar bahasa itu, berbunyi:

"Bahawa kami ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei mengaku ta'at dan setia serta berbakti kapada negeri ini dan kami mengaku memuliakan taraf kedudukan bahasa Melayu seperti maksud Perlembagaan 1959 Bab 82(1) (a).

"Dengan ini kami mengaku menyokong dan menggunakan pemakaian bahasa Melayu dalam segala lapangan serta akan mengembangkan bahasa Melayu dengan cara apa jua untuk menjukkan kaseh dan ta'at

setia kami kapada Sultan dan negara. "Dengan itu maka kami berikrar akan membaktikan sokongan2 kami dengan sa-benar2-nya dengan tidak berbelah bagi."

Sa-telah itu naskhah Ikrar Bahasa Kebangsaan yang di-tulis di-atas kain kuning itu pun di-serahkan kapada Menteri Besar Brunei dan sa-lepas itu lagu Jiwa Bangsa telah berkumandang di-nyanyikan oleh satu pasokan khas yang terdiri dari murid2 sekolah segala bangsa di-negeri ini di-bawah kelolaan Pasokan Pancharagam Pulis Brunei.

Sa-iring dengan itu sa-buah kapal terbang dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah kelihatan melayang2 di-udara tempat perhimpunan agong itu sambil menggugorkan beribu2 Ikrar Bahasa Kebangsaan yang beraneka warna melayang2 jatoh di-tempat perhimpunan itu menambahkan meriah-nya upacara yang berjarah dan menanamkan semangat chintakan bahasa Kebangsaan itu.

Perarakan berjalan, dengan membawa chogan2 kata yang mendukung Bulan Bahasa Kebangsaan dan mengesakan pemakaian bahasa Melayu kapada penduduk2 negeri ini telah di-

mulakan sa-telah naskhah2 Ikrar Bahasa Kebangsaan selesai di-gugorkan.

Perarakan itu telah di-ketuai oleh Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche' McInnes dan dituruti oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Tuan Hj. Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar; ketua2 Jabatan Kerajaan, wakil2 tiap2 kaum; Pasokan Pancharagam Pulis dan pasokan2 perarakan yang terdiri dari Jabatan Kerajaan; Parti Ra'ayat; Kampong2; pertubohan2 perniagaan dan lain2.

Perarakan itu di-anggarkan tidak kurang tiga batu panjang-nya itu telah berarak melalui jalan2 raya di-Bandar Brunei sambil menyanyikan lagu Jiwa Bangsa di-ketuai oleh Pasokan Pancharagam Pulis Brunei.

Do'a Selamat dalam bahasa Melayu telah bergema dalam upacara itu di-bacakan oleh Yang Dimulikan Begawan Khatib Haji Metali, Kadhi Daerah Brunei dan Muara sa-baik sahaja pasokan2 perarakan itu balek semula ka-tempat permulaan.

Akhir-nya Lagu Kebangsaan Negeri Brunei di-bunyikan sa-bagai tamatnya upacara yang bersejarah yang besar erti-nya demi menanamkan keyakinan kapada penduduk2 dan ra'ayat negeri ini bahawa bahasa Melayu akan berdaulat di-Ibu Pertiwinya sa-bagai bahasa kebangsaan yang tunggal.

TITAH DULI YANG MAHA MULIA

(Dari Muka 1)

"Selain daripada itu beta telah di-beri pandangan bahawa Rancangan Melayu Raya ini ada-lah berfaedah akan menambatkan kema'amoran kapada ra'ayat beta dengan sebab ada-nya Persekutuan yang mengandongi lebih kurang 10 juta orang maka bertambah luas-lah pasaran di-dalam dan di-luar negeri yang berma'ana bahawa peluang2 bagi anak2 negeri akan bertambah.

"Harus pada anggapan keburokan2 daripada Rancangan Melayu Raya ini tentu-lah ada tetapi apa yang mesti di-hadapi ia-lah supaya perundingan2 menentukan syarat2 yang di-dapati jika kemasokan Brunei ka-dalam Rancangan Melayu Raya ini akan dapat mengatasi keburokan2 itu dengan jalan bertambah peluang dan bertambah kema'amoran dan kekal keamanan pada masa hadapan.

"Di-dalam suasana politik yang ada di-Tenggara Asia pada masa ini mesti-lah di-fahamkan bahawa ada-lah menjadi kesulitan bagi sesabuah negeri terutama negeri yang kecil untuk mempertahankan diri daripada pengaruh2 dan ancaman2 komunis dan bagi pihak Brunei terpaksa-lah Brunei menchari sahabat daripada jiran2 yang ada sekeliling-nya dan dengan kerana tali perhubungan di-antara Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu ada-lah rapat maka kena-lah pada tempat-nya tali perhubungan ini elok di-ikat dengan lebih rapat lagi supaya kita bersama2 dengan orang2 yang sa-bangsa dengan kita dapat-lah kita bahu-membahu dalam menghadapi beberapa masa'alalah yang akan datang untuk kebahagiaan.

"Keadaan kita di-Brunei pada

masa ini harus tidak boleh terjamin selama2-nya jika keadaan2 di-negeri yang berjiran dengan kita berubah.

"Dalam mengkaji masa'alalah Melayu Raya ini mesti-lah di-fahamkan bahawa yang utama pada fikiran beta ia-lah ada-kah rancangan ini akan memberi faedah kapada negeri dan ra'ayat dan menambah kema'amoran kapada ra'ayat sekalian? Dan adakah jua rancangan ini akan mengekalkan keamanan di-negeri kita ini?

"Memandang kapada keadaan2 yang beta sebutkan di-atas ini-lah maka sesudah beta berunding dengan penasehat2 beta yang kanan maka beta dengan ini mema'alumkan mudah2an dengan idzin Allah Subhannahu Wata'ala memberi berkat kapada kita sekalian bahawa Rancangan Persekutuan Melayu Raya ini akan mendatangkan faedah2 dan kelebihan2 yang menguntungkan negeri kita dan beta berpendapat patut-lah beta memberitahu kapada Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri ini supaya dapat-lah di-ketahui oleh seluroh ra'ayat beta bahawa menurut pendapat beta setakat ini dapat-lah beta dengan nasehat daripada Kerajaan beta menerima Rancangan Persekutuan Melayu Raya ini pada dasar-nya bagi membolehkan Kerajaan beta mengadakan perundingan2 yang rasmi dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan United Kingdom di-England bagi menentukan jenis2 atau chorak pergabungan dan untuk mendapatkan butir2 dan syarat2 yang akan dapat di-terima oleh Kerajaan beta apabila Kerajaan beta men-champori rancangan penubohan

Persekutuan Melayu Raya ini dengan tidak merugikan Kerajaan dan negeri beta dalam segi keselamatan, politik dan Perlembagaan Negeri Brunei.

"Patut-lah beta terangkan juga bahawa dengan di-perse-tujukan Rancangan Melayu Raya ini pada dasar-nya bukan-lah berma'ana ini satu keputusan yang muktamad, tujuan-nya ia-lah supaya membolehkan Kerajaan mendapati syarat yang akan membawa kapada keuntungan dan faedah yang bertambah kapada negeri ini. Jika sekira-nya syarat2 dalam perundingan itu munasabah dan memberi faedah serta keuntungan kapada ra'ayat maka tentu-lah keuntungan dan faedah2 ra'ayat itu akan mendorong perjalanan pada mengambil bahagian sa-terus-nya dalam Rancangan Melayu Raya. Tapi sa-balek-nya jika tidak dapat persetujuan berkenaan dengan syarat2 yang penting yang Kerajaan beta kehendaki yang menguntungkan bagi ra'ayat dan bagi Negeri Brunei, mungkin Brunei tidak akan men-champori dalam Rancangan Melayu Raya ini.

"Sekian-lah beta berharap mendapat sokongan yang penoh daripada Ahli2 Majlis Meshuarat ini di-dalam rancangan beta untuk mengambil bahagian dalam perundingan2 yang tersebut dan sa-lepas itu jika syarat2 yang di-dapati akan membawa faedah dan kebajikan kapada ra'ayat beta maka beta akan mengambil langkah untuk melaksanakan dan memberi kuat-kuasa undang2 kapada butir2 perundingan itu. Ada-nya."

PILEHAN RAYA MAJLIS2 MESHUARAT DAERAH

BANDAR BRUNEI. — Saramai 81 orang chalun telah di-terima untuk bertanding dalam pilehan2 raya Majlis Meshuarat Daerah di-Negeri Brunei pada hari menamakan chalun yang telah di-adakan di-Daerah2 Brunei — Muara, Tutong, Belait-Seria dan Temburong pada hari Sabtu 21 July, 1962. Di-antara chalun2 itu ia-lah sa-orang wanita sahaja.

31 orang telah menang dengan tidak payah bertanding. Bilangan itu ada-lah mengandongi 20 orang dari Daerah Brunei-Muara, 7 orang dari Daerah Belait-Seria dan 4 orang dari Daerah Temburong. Semua kawasan di-Daerah Tutong akan menghadapi pertandingan.

Tidak ada chalun yang bertanding di-Daerah Bokok hingga ka-hari ini. Perkara ini ia-lah kerana chalun yang hendak bertand-



Dayang Nahriah.

ding di-kawasan itu telah di-dapati tidak berkelayakan.

Menurut berita yang terakhir dari Surohan Jaya Pilehan Raya Negeri Brunei, hari menamakan chalun di-kawasan Bokok yang telah di-tetapkan ia-lah hari Sabtu 4 August, 1962.

55 buah pusat menamakan chalun telah di-buka di-seluruh Negeri pada pukul 10 pagi hari Sabtu 21 July dan di-tutup pada pukul 1.30 petang. Kerja2 menamakan chalun itu telah berjalan dengan lincin dan tidak ada berlaku perkara2 yang tidak di-ingini di-tempat2 tersebut.

Pada masa tersebut, Ahli2 Surohan Jaya Pilehan Raya telah melawat ka-beberapa pusat menamakan chalun. Di-antara pegawai2 kanan Kerajaan yang telah melawat ka-pusat2 menamakan chalun itu ia-lah Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Haji Md. Zain, Peguam Negara Brunei dan Inche Mohamed Yusof bin Othman, Penasehat Pilehan Raya.

Hari membuang undi pilehan raya tersebut ia-lah hari Khamis 30 August, 1962.

16 orang dari 55 orang chalun yang berjaya dalam pilehan raya itu akan di-pilih untuk menjadi Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, menurut peratoran Badan Kumpulan Pengundi.

Peruntokan ka-Majlis Meshuarat Negeri Brunei ada-lah seperti berikut :

8 orang dari 24 orang Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Brunei, 4 orang dari 12 orang Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Belait, 3 orang dari 12 Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Tutong dan sa-orang dari orang Ahli2

Majlis Meshuarat Daerah Temburong.

Chalun2 yang menang dengan tidak payah bertanding dalam Daerah Brunei-Muara ia-lah :

Kawasan Muara — Inche Abdul Latif bin Adi. Kawasan Pulau-Salambigar — Inche Mohammad bin Jamaludin. Kawasan Berakas : Awang Tengah bin Hassip. Kawasan Sengkurong : Inche Lakim bin Haji Bakar. Kawasan Tanjung Nangka — Haji Gharif bin Haji Mangol. Kawasan Kuala Brunei — Inche Mohamed Zain bin Mohamed Tali. Kawasan Dato Gandhi — Inche Mohamed Yassin bin Abdul Rahman. Kawasan Gadong — Inche Jais bin Haji Karim. Kawasan Batu Satu — Inche Mahmud bin Mohamed Saleh. Kawasan Kilanas — Inche Othman bin Haji Karim. Kawasan Kianggeh — Haji Mohamed bin Haji Bakar. Kawasan Bendahara-Tamoi — Awang Omar bin Awang Tamin. Kawasan Saba — Awang Salim bin Awang Serudin. Kawasan Leila Menchanai — Inche Abdullah bin Ja'afar. Kawasan Pekan Lama — Pengiran Metusin bin Pengiran Haji Lampoh. Kawasan Burong Pingai — Awang Othman bin Awang Abdul Latif. Kawasan Saba Darat — Inche



Tuan Haji Hasbollah.

Ladis bin Puasa. Kawasan Peramu — Awang Mayalin bin Awang Rendah. Kawasan Lumapas-Kasat — Inche Abdul Hamid bin Mohamed dan kawasan Pengakalan Batu Awang Hidup bin Haji Besar.

Chalun2 yang menang dengan tidak payah bertanding dalam Daerah Belait-Seria ia-lah :

Kawasan Pekan Seria — Inche Hanafi bin Mohamed Daud. Kawasan Lorong Tiga — Inche Lamzi bin Idris. Kawasan Lo-

rong Empat-Lima — Inche Ibrahim bin Ghani. Kawasan Marina — Pengiran Apong bin Pengiran Jamaludin. Kawasan Lorong Tujoh — Awang Ismail bin Ali Astar. Kawasan Sabarang Tanjung — Inche Mohamed Deli bin Metassim dan kawasan Panaga — Inche Mohamed Saleh bin Ibrahim.

Chalun2 yang menang dengan tidak payah bertanding dalam Daerah Temburong ia-lah :

Kawasan Batu Apoi — Inche Timbang bin Pro. Kawasan Bangar — Pengiran Hitam bin Pengiran Burut. Kawasan Bela-



Inche Abdul Manan.

ban — Inche Bukong bin Udang dan kawasan Amo — Embun anak Tarang.

Chalun2 yang akan bertanding dalam Daerah Brunei-Muara ia-lah :

Kawasan Padang Brunei — Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang dan A. Ali bin Haji Abu Bakar. Kawasan Sumbiling — Inche Zaini bin Haji Ahmad dan Haji Hasbollah bin Haji Mohamed Daud. Kawasan Sungai Kedayan — A. Md. Taib bin Haji Mohamed Saleh dan Awang Hapidz bin Laksamana dan kawasan Pemancha-Sultan Lama — Sulaiman bin Puteh dan Dayang Nahriah binte Mohamed Daud.

Chalun2 yang akan bertanding dalam Daerah Tutong ia-lah :

Kawasan Kupang-Birau — Haji Ratu bin Ismail, Inche Suhaili bin Khatib Wahid dan Inche Mydin bin Isa. Kawasan Sinaut — Inche Mohamed Idris bin Haji Mohamed Said dan Abdul Ghani bin O.K. Mohamed



Awang Hapidz Laksamana.

Safar. Kawasan Penanjung-Keriam — Inche Simpol bin Abdul Latif dan Inche Abdul Wahab bin O.K. Mohamed Safar. Kawasan Pekan Tutong — Inche Mohamed Akip bin Abdul Ghani dan Inche Abdul Manan bin Mohamed. Kawasan Bukit Pasir — Inche Mohamed Tajin bin Awang Jaya dan Haji Ghazali bin Omar. Kawasan Tanjung Maya — Jia'an bin Ketua Runtop, Inche Morsilin bin Baik dan Awang Mohamed Zain bin Serudin. Kawasan Lamunin — Inche Johari bin Awang Yusof dan Orang Kaya Pekerma Dewa Lukman bin Uking. Kawasan Kuala Abang — Awang Abang bin Sahat dan Inche Sabtu bin Hassan. Kawasan Ukong — Inche Bakri bin Haji Mohamed Serudin, Limbit bin Luang dan Binchin bin Bundan. Kawasan Rambai — Marican bin Orang Kaya Andar, Damit bin Salleh dan Pengiran Suhaili bin Pengiran Talib. Kawasan Benutan — Inche Nifal bin Haji Lahad dan Inche Mohamed Yusof bin Tengah.

Chalun2 yang akan bertanding dalam Daerah Belait ia-lah :

Kawasan Sungai Liang — Inche Bundan bin Lajah dan Inche Payong bin Buri. Kawasan Jalan Seria — Awang Ahmad bin Haji Abdul Razak dan Haji Merusman bin Abdullah. Kawasan Pekan Belait — Inche Momin bin Ahmad dan Awang Metali bin Omar Inchi. Kawasan Bukit Sawat — Inche Ahmad bin Selamat, Inche Arshad bin Abu Bakar dan Inche Lim Leong Kui dan kawasan Balai-Labi — Inche Othman bin Jalil dan Inche Ariff bin Mujon.

Chalun2 yang akan bertanding dalam kawasan Temburong ia-lah :

Kawasan Labu — Inche Hidup bin Zakaria dan Inche Metusin bin Ali Akbar dan kawasan Ujong Jalan — Inche Ibrahim bin Haji Ismail dan Inche Misir bin Karuddin.



Ini-lah satu pemandangan di-kawasan tempat menamakan chalun2 yang akan bertanding dalam Pilehan Raya Majlis Meshuarat Daerah. Gambar ini menunjukkan beberapa orang sedang memerhatikan kertas2 menamakan chalun itu di-kawasan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada 21 July, 1962.

WANITA2 BRUNEI BERJAYA DI-TEMASHA SUKAN BORNEO

KUCHING. — Negeri Brunei telah berjaya menjadi johan bahagian wanita dalam Pertandingan Sukan Borneo Kali Yang Ke-delapan yang telah di-adakan di-Padang Sukan Jubilee di-Kuching, Sarawak pada 13 dan 14 July, 1962. Maka dengan kejayaan yang gilang gemilang itu, pasokan bahagian wanita dari Negeri Brunei telah berhasil memenangi Perisai Pusingan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin pada pertama kali dalam sejarah Pertandingan Sukan Borneo. Borneo Utara telah menjadi naib johan dan Sarawak mendapat gelaran yang ke-tiga dalam bahagian tersebut.

Gelaran johan dalam bahagian lelaki pula telah di-menangi oleh Negeri Sarawak. Dengan itu, Negeri Sarawak telah berjaya memperolehi Perisai Pusingan Malcolm MacDonald sa-lepas menjadi naib johan sa-lama tujuh tahun berturut2 semenjak di-adakan Pertandingan Sukan di-antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara. Gelaran naib johan bahagian tersebut di-menangi oleh Borneo Utara dan gelaran yang ke-tiga di-menangi oleh Negeri Brunei.

Sa-jumlah 15 rekod yang baharu telah dapat di-chiptakan oleh bahagian2 lelaki dan wanita di-pertandingan sukan tersebut.

Rekod2 yang di-chiptakan oleh jerta2 dari Negeri Brunei dalam pertandingan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Membaling Piring Besi oleh A. Sibidol, sa-jauh 126 kaki 2 inci. Rekod yang lama di-chiptakan oleh Eric Chin dari Borneo Utara sa-jauh 124 kaki 1 inci.

Melempar Lembing oleh A. Sibidol sa-jauh 170 kaki 10½ inci. Rekod yang lama di-chiptakan oleh A. Sibidol juga sa-jauh 167 kaki 9½ inci.

Lompat Jauh bahagian wanita oleh Rose Chong sa-jauh 16 kaki 10½ inci. Rekod yang lama di-chiptakan oleh Rose Chong juga sa-jauh 16 kaki 1 inci.

Lumba Lari Berganti2 4x110 ela bahagian wanita oleh Pasokan Negeri Brunei — masa-nya ia-lah 53.5 sa'at. Rekod yang lama 53.6 sa'at di-chiptakan oleh Borneo Utara.

Keputusan penoh pertandingan sukan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Lompat Jauh: 1. D. M. Gaboh (Borneo Utara). 2. Wong Ah Yun (Borneo Utara). 3. J. Lee (Sarawak). Jauh-nya 22 kaki 10 inci.

Lumba Lari Lompat Pagar 440 ela: 1. Salleh Wahab (Sarawak). 2. Othman Andu (Borneo Utara). 3. Abu Bakar Ibrahim (Brunei). Masa-nya 56.7 sa'at (rekod baharu).

Lumba Lari 1 Batu: 1. Dilbagh Singh Kler (Borneo Utara). 2. Ajaib Singh Mann (Borneo Utara). 3. Lim Yang Hang (Sarawak). Masa-nya 4 minit 29.1 sa'at (rekod baharu).

Lumba Lari Berganti2 4x110 ela: 1. Sarawak. 2. Borneo Utara. 3. Brunei.

Masa-nya 43 sa'at (rekod baharu).

Lumba Lari Lompat Pagar 120 ela: 1. Kuda Dita (Sarawak). 2. Stephen Umbol (Borneo Utara). 3. Rais Kadir (Sarawak). Masa-nya 15.2 sa'at. (Rekod baharu).

Lompat Bergalah: 1. George Chong (Brunei). 2. J. Chua (Sarawak). 3. R. Jok (Sarawak). Tinggi-nya 11 kaki 6 inci.

Melempar Lembing: 1. A. Sibidol (Brunei). 2. Fred Fung (Borneo Utara). 3. S. Chang (Borneo Utara). Jauh-nya 170 kaki 10½ inci. (Rekod baharu).

Lumba Lari 880 ela: 1. Latif Olen (Sarawak). 2. Ajaib Singh Mann (Borneo Utara). 3. Salleh Wahab (Sarawak). Masa-nya 1 minit 57.5 sa'at. (Rekod baharu).

Lumba Lari 100 ela: 1. Joseph Lee (Sarawak). 2. William Lee (Sarawak). 3. George Chong (Brunei). Masa-nya 10 sa'at. (Rekod baharu).

Lompat Tinggi: 1. S. Hill. 2. A. Amin (Sarawak). 3. Kueh Hong Seng (Sarawak). Tinggi-nya 6 kaki 1½ inci. (Rekod baharu).

Membaling Peluru: 1. A. Sibidol (Brunei). 2. William Yeo (Sarawak). 3. Kuda Dita (Sarawak). Jauh-nya 44 kaki 8 inci.

Lumba Lari 440 ela: 1. William Lee (Sarawak). 2. Latif Olen (Sarawak). 3. Othman Andu (Borneo Utara). Masa-nya 50.9 sa'at. (Rekod baharu).

Lompat Kijang: 1. D.M. Gaboh (Borneo Utara). 2. S. Hill (Borneo Utara). 3. Suhaili Lani (Brunei). Jauh-nya 46 kaki 4 inci.

Melempar Lembing: 1. A. Sibidol (Brunei). 2. Kuda Dita (Sarawak). 3. Gideon (Borneo Utara). Jauh-nya 126 kaki 2 inci. (Rekod baharu).

Lumba Lari 220 ela: 1. J. Lee (Sarawak). 2. William Chai (Sarawak).

3. H.L. Arabi (Brunei). Masa-nya 22.7 sa'at. (Rekod baharu).

Lumba Lari 3 Batu: 1. Dilbagh Singh Kler (Borneo Utara). 2. Yui Tuan Hui (Sarawak). 3. Lim Yang Hang (Sarawak). Masa-nya 16 minit 7.3 sa'at.

Lumba Lari Berganti2 4x440 ela: 1. Sarawak. 2. Borneo Utara. 3. Brunei. Masa-nya 3 minit 29.9 sa'at. (Rekod baharu).

Lompat Tinggi: 1. Adina Abad (Borneo Utara). 2. Fung Soon San (Borneo Utara). 3. Regina Chong (Brunei). Tinggi-nya 4 kaki 7 inci.

Melempar Lembing: 1. Clare Sibidol (Brunei). 2. Chia Fui Yun (Borneo Utara). 3. Song Siew Fong (Sarawak). Jauh-nya 92 kaki 2½ inci.

Lumba Lari 220 ela: 1. Kueh Swee Hong (Sarawak). 2. Darut Chong (Brunei). 3. Thian Lee Choo (Sarawak). Masa-nya 28.4 sa'at.

Lompat Jauh: 1. Rose Chong (Brunei). 2. Adina Abad (Borneo Utara). 3. Fung Soon San (Borneo Utara). Jauh-nya 16 kaki 10½ inci. (Rekod baharu).

Lumba Lari 100 ela: 1. Rose Chong (Brunei). 2. Chen Li Na (Sarawak). 3. Adina Abad (Borneo Utara). Masa-nya 11.9 sa'at.

Melempar Lembing: 1. Fung Soon San (Borneo Utara). 2. Chong Nyet Ha (Borneo Utara). 3. Clare Sibidol (Brunei). Jauh-nya 87 kaki 8 inci.

Lumba Lari Melompat Pagar 80 meter: 1. Kueh Swee Hong (Sarawak). 2. Zene Kadir (Brunei). 3. Haracharan Kler (Borneo Utara). Masa-nya 12.4 sa'at. (Rekod baharu).

Membaling Peluru: 1. Clare Sibidol (Brunei). 2. Wong Mun Yun (Brunei). 3. Fung Soon San (Borneo Utara). Jauh-nya 27 kaki 11 inci.

Lumba Lari Berganti2 4x110 ela: 1. Brunei. 2. Sarawak. 3. Borneo Utara. Masa-nya 53.5 sa'at. (Rekod baharu).

Jumlah mata yang di-dapati oleh bahagian2 wanita dan lelaki ada-lah di-bawah ini:

Bahagian Wanita: 1. Brunei — 72½ mata. 2. Borneo Utara — 63 mata. 3. Sarawak — 56½ mata.

Bahagian Lelaki: 1. Sarawak — 144 mata. 2. Borneo Utara — 121 mata. 3. Brunei — 95 mata.

Sukan Hari Ibu Bapa DI-LABU

LABU. — Sekolah Melayu Labu, Daerah Temburong akan mengadakan temasha sukan tahunan dan juga sukan kerana menyambut Hari Ibu Bapa sekolah itu pada hari Ahad 5 August, 1962.

Temasha tersebut akan di-mulai pada pukul 8 pagi hari tersebut, di-dahului dengan upacara menaikkan bendera Brunei dan nyanyian Lagu Kebangsaan Brunei oleh murid2 sekolah tersebut. Peraduan sukan akan di-mulai pada pukul 8.10 pagi dan di-teruskan hingga ka-tengah hari. Kemudian akan di-adakan acara menyampaikn hadiah.

Pancharagam Pulis Brunei akan bermain di-temasha tersebut mulai daripada pukul 1 petang hingga ka-pukul 4 petang.

DI-SERIA

SERIA. — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria akan mengadakan temasha sukan bagi menyambut Hari Ibu Bapa sekolah itu, penggal yang ke-dua pada hari Ahad 5 August.

Pertandingan sukan itu ada-lah di-bahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian murid2 yang kecil lelaki dan perempuan pada sa-belah pagi dan murid2 yang besar lelaki dan perempuan pula pada sa-belah petang.

Sukan Sekolah2 Melayu Kuala Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu dalam kawasan Kuala Brunei telah mengadakan temasha sukan-nya di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada hari Sabtu yang lalu untuk memilih chalun2 yang akan mewakili sekolah2 itu di-temasha sukan Sekolah2 Melayu dalam Daerah Brunei.

Sekolah2 yang berjaya di-temasha sukan tersebut ia-lah:

Bahagian murid2 lelaki: 1. Sekolah Melayu Subok dan Sekolah Melayu Sungai Besar. 2. Sekolah Melayu Kasat.

Bahagian murid2 perempuan: 1. Sekolah Melayu Subok. 2. Sekolah Melayu Sungai Besar dan 3. Sekolah Melayu Lumapas.

Inche Noordin bin Abdul Latif, Penguasa Pelajaran Melayu, Brunei telah menyampaikan hadiah2 di-temasha sukan tersebut.

Perlumbaan Berenang Pengakap2

SERIA. — Berpuluh2 orang pengakap di-Daerah Belait telah mengambil bahagian dalam perlumbaan berenang yang telah di-adakan di-kolam berenang Shell Recreation Club baharu2 ini.

Yang Dipertua, Persatuan Pengakap Daerah Belait, Inche G. Williams telah menyampaikan hadiah2 kepada pengakap2 yang berjaya di-temasha tersebut.



Ahlis2 sukan dari Negeri Brunei yang mengambil bahagian di-temasha sukan seluruh Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara di-Kuching dalam bulan yang lalu kelihatan dalam garisan di-kawasan lapangan terbang Brunei pada masa mereka balek dari Kuching.

GUNAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN KITA PADA SA-TIAP MASA

**Pengaruh
Yang
Mana-kah
Lebeh
Berkesan—**

**PENA ATAU
SENJATA?**

BANDAR BRUNEI. — Ada-kah pengaruh pena itu lebeh berkesan daripada senjata atau pun ada-kah pengaruh senjata itu lebeh berkesan daripada pena?


So'alan tersebut telah menjadi perdebatan yang hebat di-antara beberapa orang pemuda dari Daerah2 Brunei dan Belait di-padang besar di-sini pada malam 27 July yang lalu.

Mengapa mereka berdebat mengenai tajok tersebut di-padang besar di-sini lima malam dahulu? Jawapannya ia-lah pemuda2 itu mengandongi dua orang Melayu dan empat orang China telah mengambil bahagian dalam peraduan akhir bahath bagi menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan Sa-Negeri Brunei.

Pemuda2 tersebut yang mewakili Daerah Brunei sa-bagai pembahath ia-lah Inche Mohamed Yassin bin Awang Said, Inche Andrews Lim dan Inche Shiin Ah Sun, manakala wakil2 dari Daerah Belait sa-bagai penchadang ia-lah Inche Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Safar, Inche Michael Laisok Abun dan Inche Chia Tian Seng.

Majlis bahath itu di-pengerusikan oleh Inche Othman bin Bidin Penge-tua, Maktab Perguruan Melayu Brunei. Orang2 yang menghakimkan perbahathan tersebut ada-lah terdiri daripada sa-orang penda'awa raya agama, sa-orang guru sekolah dan sa-orang wartawan.

Keputusan-nya ia-lah pehak penchadang telah menjadi johan dalam perbahathan tersebut dengan mendapa-lu sa-banyak 216 markah, manakala pehak pembahath pula telah menjadi naib johan dengan mendapat 204 markah.



Awang Hapidz Laksamana, kelihatan memberi ucapan sa-bagai wakil orang2 Melayu di-upachara pembukaan rasmi rapat umom dan perarakan Bulan Bahasa Kebangsaan di-Bandar Brunei pada 23 July, 1962.



Ini-lah satu peristiwa yang menarik perhatian beribu2 orang yang membanjiri Bandar Brunei pada masa di-adakan pembukaan rasmi rapat umom dan perarakan Bulan Bahasa Kebangsaan pada petang 23 July, 1962. Dalam gambar ini kelihatan sa-buah kapal terbang kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah menggugorkan beribu2 naskah kertas yang berwarna warni mengandongi IKRAR BAHASA.

Rengkasannya Berita

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan2 Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat akhir, termasuk pelukis2 yang berjaya dalam peraduan2 lukisan dan poster, akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini pada malam 4 August.

SERIA. — Umat Islam di-sini akan menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad dengan mengadakan perarakan, bacaan kitab suci Al-Koran, sharahan agama dan kasidah pada malam 11 August. Sakira-nya chuacha baik pada malam tersebut Majlis Ugama itu akan di-adakan di-kawasan Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. Jikalau tidak majlis itu akan di-adakan di-bangunan Sekolah Melayu tersebut.

KATI MAHAR. — Bangunan sementara Sekolah Melayu Kati Mahar di-Batu 13 Jalan Brunei-Tutong telah runtuh ketika berlaku hujan yang lebat dan angin yang kencang pada pukul 1.25 petang hari Ahad yang lalu. Pada masa itu sa-ramai 15 orang murid2 lelaki sedang berada dalam bangunan sekolah tersebut dan sa-orang daripadanya telah mendapat sedikit luka di-kepala-nya.

BERAKAS. — Beberapa orang penuntut dari Brunei yang melanjutkan pelajaran di-England telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang baharu2 ini untuk berchuti.

SINGAPURA. — Beberapa orang jema'ah Haji dari Brunei di-jangka akan tiba di-Singapura dari Jeddah dengan kapal Haji pada 12 August dan balek ka-Brunei dengan kapal laut beberapa hari kemudian.

HONG KONG. — Satu pasukan bola sepak yang handal di-Hong Kong, di-bawah pimpinan "Bintang Bola Sepak" Lee Wai Tong di-jangka akan tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Borneo Utara pada 14 August untuk mengadakan dua perlawanan dengan pasukan2 bola sepak di-Negeri Brunei. Lawatan pasukan bola sepak dari Hong Kong itu adalah di-bawah anjoran Klab Sukan Brunei. Pasukan itu akan berlepas ka-Jakarta dari Brunei dengan kapal terbang untuk mengambil bahagian dalam temasha Sukan Asia di-sana.



Gambar2 ini di-ambil oleh juru gambar kita di-majlis pembukaan rasmi Pameran Buku2 bagi menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan Negeri Brunei yang telah di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada pagi 23 July, 1962. Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohammad Yusoff bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Useha Kerajaan, Brunei, kelihatan dalam gambar kiri sedang mengisytiharkan pembukaan rasmi pameran tersebut manakala gambar di-selatan kanan pula ia-lah satu pemandangan di-antara beratus2 orang yang menyaksikan pertunjukan tersebut di-dewan Maktab S.O.A.S. pada pagi hari itu.